



فجابه فغارہ تانه دان گالين ترغگانو.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
TERENGGANU,**

TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN,
20576 KUALA TERENGGANU

Telefon : 09-6231957 samb. 6335 - 6343 Fax.: 09-6229887
6411 - 6424



PTG.TR.G/05/1988/06/04(22)

11 MEI 2009

16 J'AWAL 1430H



Pentadbir Tanah
KUALA TERENGGANU

Pentadbir Tanah
KEMAMAN

Pentadbir Tanah
DUNGUN

Pentadbir Tanah
BESUT

Pentadbir Tanah
HULU TERENGGANU

Pentadbir Tanah
MARANG

Pentadbir Tanah
SETIU


YBhg Dato'/Tuan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL 1/2009

Prosedur Memproses Permohonan Kawasan Perusahaan Kuari

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu yang bermesyuarat pada 17 Mac 2009 kali ke-10 Tahun 2009 bersetuju supaya Permohonan Menjalankan Perusahaan Kuari hendaklah dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Sumber Mineral terlebih dahulu sebelum ianya dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk pertimbangan.

2. Selaras dengan itu, satu **Prosedur Memproses Permohonan Kawasan Perusahaan Kuari** dikeluarkan bagi menyelaraskan semua permohonan kuari di Negeri Terengganu. Permohonan dikemukakan di Pejabat PTG sebagaimana di LAMPIRAN I.



3. Pejabat ini akan mengedarkan permohonan yang diterima kepada Pentadbir Tanah dan Jabatan Teknikal untuk mendapatkan ulasan/pandangan. Pentadbir Tanah hendaklah membuat siasatan lengkap bersekali pelan kawasan dipohon(PT lot) dan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Daerah bagi pertimbangan. Pengesyoran dan pelan tersebut perlu diedar ke pejabat ini untuk dibawa bagi pertimbangan.

4. Permohonan tersebut akan diproses dan akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Permohonan Tanah Lombong seterusnya ke Mesyuarat Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri sebelum dibawa ke pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.

5. Carta aliran Prosedur Memproses Permohonan Kawasan Kuari adalah sebagaimana LAMPIRAN II.

6. Arahan ini hendaklah diterimapakai dan berkuatkuasa dengan serta merta mulai tarikh ianya dikeluarkan

Sekian, terima kasih.

"ISLAM HADHARI TERENGGANU BESTARI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN ISMAIL)
Pengarah Tanah dan Galian,
Terengganu

s.k:

1. Yang Berhormat, Setiausaha Kerajaan Terengganu
2. Yang Berhormat, Penasihat Undang-Undang Negeri Terengganu
3. Pengarah, Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu
4. Semua Timbalan Pengarah Tanah dan Galian
5. Semua Penolong Pengarah Tanah dan Galian
6. Pegawai Sistem Maklumat
7. Pegawai Eksekutif (Galian)
8. Pegawai Kanan Petempatan
9. Ketua Pembantu Tadbir (Pelupusan) PTG
10. Pembantu Tadbir (Pelupusan) PTG
11. Fail timbul

PROSEDUR PERMOHONAN KAWASAN PERUSAHAAN KUARI

1. Permohonan hendaklah dikemukakan terus ke **Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Terengganu di tingkat 7**, bahagian Galian, Wisma Darul Iman.
2. Setiap permohonan hendaklah dikemukakan bersekali dengan kertas kerja lengkap dengan pelan lokasi yang dipohon sebanyak **lapan** salinan.
3. Borang Jadual 1 dan bayaran sebanyak RM10.00
4. Kertas kerja tersebut hendaklah merangkumi perkara-perkara berikut:-
 - i) Salinan pendaftaran perniagaan
 - ii) Taraf syarikat (Syarikat Berhad/Sdn Bhd/perkongsian)
 - iii) Nombor dan tarikh pendaftaran syarikat
 - iv) Borang 24, Borang 44, Borang 49 yang terkini (disahkan oleh setiausaha syarikat)
 - v) Undang-Undang Tubuh (MAA)
 - vi) Bilangan tenaga kerja yang digunakan berdasarkan kepada peringkat-peringkat tertentu
5. Kertas kerja tersebut juga perlu menjelaskan secara terperinci:-
 - i) Tujuan
Tujuan kertas kerja yang dikemukakan hendaklah disebut dengan jelas
 - ii) Latar Belakang
Menerangkan latarbelakang syarikat
 - iii) Anggaran kos dan pendapatan
Hendaklah menerangkan kos terlibat dan pendapatan. Penyata Anggaran Untung Rugi serta Jangkaan Aliran Wang (Cash Flow Projection) hendaklah dibentangkan
 - iv) Justifikasi
Hendaklah dikemukakan dari segi 'economic viability' dan 'technical feasibility'. Kesan-kesan lain yang diwujudkan daripada projek tersebut terutamanya dari segi sosial. Sekiranya terdapat kajian 'pre-feasibility' atau 'feasibility' terutamanya kajian ke atas pasaran atau kajian ke atas alam sekeliling (Environmental Impact Study), laporan-laporan berkenaan hendaklah dikemukakan juga.

CARTA ALIRAN PROSEDUR MEMPROSES PERMOHONAN KAWASAN PERUSAHAAN KUARI

